

Kaji sistem baru elak hakisan

BACHOK – Kerajaan Kelantan akan menilai kerosakan kesan daripada fenomena ombak luar biasa di Pantai Irama, di sini serta mengkaji sistem benteng bagi mengelak hakisan serius.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, kerajaan negeri akan menanganinya sekiranya ia menjadi kewajipan Kerajaan Negeri.

“Jika ia menjadi kewajipan Kerajaan Pusat, maka ia akan buat melalui jabatan seperti Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS). Kita akan membuat penilaian terlebih dahulu, lepas itu kita fikirkan sama ada perlu menggunakan sistem baru bagi mengelak hakisan,” katanya ketika meninjau Pantai Irama, di sini, semalam.

Beliau berkata, hakisan atau kerosakan berlaku di mana-mana di dunia yang memberitahu manusia bahawa kuasa ALLAH SWT tiada tandingan.



Nik Abdul Aziz (tengah) mendengar penjelasan Abu Bakar mengenai hakisan pantai ketika meninjau Pantai Irama, Bachok, semalam.

“Itu baru di dunia yang mana kita boleh menumpang kepakaran orang lain untuk menyelesaikannya, bagaimana nanti apabila kita sebatang kara di dalam kubur,” katanya.

Isnin lalu, fenomena air pasang besar melanda Pantai Irama dan beberapa kampung di sekitarnya menyebabkan hakisan serius dan mencemaskan 40 keluarga.

Pengarah JPS Kelantan, Abu Bakar Mohd Yusoff

berkata, RM500,000 diperlukan untuk tindakan segera bagi menyelesaikan masalah hakisan pantai.

“Saya akan bincangkan dengan Exco Kerajaan Kelantan sebelum membawa kertas cadangan kepada kerajaan negeri untuk kita bina benteng setinggi 3.5 meter. Untuk jangka panjang, kita memerlukan RM20 juta bagi menangani masalah hakisan sejauh 650 meter,” katanya.